



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 (10)

Tarikh: 07 April 2012

**SIARAN MEDIA
HAD PINJAMAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN DINAikkan DARI
RM20,000 KE RM45,000**

Kuala Nerang, 7 April – Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah (SPP) telah ditambah baik dengan kenaikan had pinjaman dari RM20,000 ke RM45,000 menurut Y.Bhg Dato' Abu Bakar Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tambahnya lagi "SPP yang merupakan Kumpulan Wang Amanah yang beroperasi sejak 1976 lagi yang berkonsepkan tabung pusingan disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah yang berpendapatan isi rumah RM750 hingga RM2,500 dan ia merupakan satu bentuk kemudahan pembiayaan untuk membina rumah di atas tanah sendiri atau milik orang lain dengan izin tuan tanah tersebut."

Bermula pada 2012, beberapa penambahbaikan SPP ini telah dibuat di antaranya ;

- Tempoh maksimum bayaran balik juga telah dipanjangkan daripada 20 tahun kepada **30 tahun atau sehingga umur 60 tahun pada mana yang terdahulu**
- Golongan sasarannya adalah **BUKAN KAKITANGAN KERAJAAN** yang berpendapatan isi rumah **RM750 hingga RM2,500.**

- Syarat umur semasa permohonan adalah di antara **21 hingga 60 tahun**. Bagi yang berumur **45 tahun dan ke atas, pakej pinjaman 2 generasi** disediakan sebagai pilihan bagi mendapatkan tempoh pinjaman sehingga 30 tahun
- Caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas pinjaman amat rendah iaitu hanya sebanyak 2% ke atas nilai pinjaman
- Perlu mempunyai **tanah sebagai cagaran** kepada peminjam
- Pinjaman ini hanya untuk tujuan membina rumah sahaja

Y.Bhg. Dato' Abu Bakar pada sidang ini juga mengadakan lawatan ke sebuah rumah penerima SPP di sini, En. Mohd Hafizan bin Hashim. Kediaman yang dimilikinya ini adalah dibiayai oleh skim SPP ini. Pembiayaan SPP sebanyak RM20,000.00 membantu beliau memiliki kediaman sendiri yang lebih selesa. Ini merupakan satu kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan dengan manifesto Rakyat Didahulukan.

Kesinambungan dan kejayaan SPP untuk dinikmati oleh generasi akan datang ini adalah amat bergantung kepada kutipan pembayaran balik oleh peminjam kerana adalah berkonsepkan tabungan pusingan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my

LATARBELAKANG

Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah diwujudkan melalui Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972) setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 17 Disember 1975. Ianya ditadbir melalui sebuah tabung pusingan yang dinamakan *Tabung Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah* dan **mula beroperasi pada tahun 1976**. Kadar Pinjaman maksimum yang ditetapkan ialah RM7,500.00 dengan caj bayaran perkhidmatan dikenakan adalah sebanyak 5.5%. Walaubagaimanapun caj ini dimansuhkan pada Januari 1990. Pada **25 April 2001** Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan kadar pinjaman maksimum dinaikkan kepada **RM20,000.00** dengan **RM10,000.00 pertama tidak dikenakan sebarang bayaran perkhidmatan dan RM10,000.00 kedua dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 4%**. Bagi Negeri **Sabah dan Sarawak** SPP mereka ditadbirkan sendiri oleh **Kerajaan Negeri masing-masing**. Bermula 2012, SPP telah ditambahbaik syarat-syarat pinjaman dan menaikkan had pinjaman maksimum daripada RM20,000 kepada RM45,000.

TUJUAN

SPP adalah bertujuan untuk membolehkan Kerajaan memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah supaya mereka dapat memiliki sebuah rumah sendiri

KONSEP PELAKSANAAN

SPP ditadbir melalui sebuah **tabung pusingan** yang diuruskan oleh **Jabatan Perumahan Negara**, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bayaran **pinjaman disalurkan** kepada peminjam **secara berperingkat** mengikut **peringkat pembinaan** rumah. Setelah selesai rumah dibina siap, peminjam dikehendaki membayar secara ansuran. Hasil terimaan tersebut dimasukkan semula ke dalam Tabung Pusingan tersebut. Walaupun kemudahan pinjaman ini diwujudkan untuk membantu golongan berpendapatan rendah, namun ianya **BUKAN SEBAGAI welfare hand-out**. Penting sekali bagi kumpulan wang ini digunakan untuk memberikan faedah kepada seramai-ramai pemohon yang layak dan bertanggungjawab untuk

membayar balik ansuran bulanan tepat pada masanya. **Kegagalan peminjam untuk membayar balik pinjaman** akan memberi **kesan kepada kadar pusingan tabung**. Akibatnya, **tanah yang dicagarkan terpaksa dilelong** supaya kemudahan pinjaman ini dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

GOLONGAN SASARAN.

Golongan sasaran bagi skim pinjaman perumahan ini ialah golongan berpendapatan rendah **BUKAN KAKITANGAN KERAJAAN** yang berpendapatan di antara **RM750 hingga RM2,500** yang **BELUM MEMILIKI RUMAH**.

SYARAT-SYARAT PINJAMAN

Syarat-syarat pinjaman adalah seperti berikut; -

A. SYARAT ASAS

- i) Warganegara Malaysia
- ii) Berumur 21 hingga 60 tahun
- iii) Belum memiliki rumah sendiri
- iv) Bukan kakitangan Kerajaan, badan berkanun, institusi kewangan, suami/isteri mereka atau pesara yang telah disediakan kemudahan pinjaman oleh Kerajaan
- v) Jumlah pendapatan di antara RM750 hingga RM2,500.00
- vi) Mempunyai tanah untuk mendirikan rumah
- vii) Mempunyai tanah sebagai cagaran kepada pinjaman

B. SYARAT PINJAMAN

- i. Had pinjaman Maksimum RM45,000 tidak termasuk perlindungan insuran
- ii. Tempoh maksimum bayaran balik pinjaman 30 tahun atau sehingga umur 60 tahun pada mana yang tedahulu
- iii. Caj perkhidmatan 2% ke atas pinjaman
- iv. Perlu mengambil perlindungan insuran yang disediakan oleh panel Insuran, jabatan Perumahan Negara ke atas rumah yang dibina

C. SYARAT TANAH CAGARAN

- i. Mencagar tanah milik peminjam atau tanah milik ahli keluarga terdekat dengan kebenaran bertulis pemilik tanah
- ii. Tanah yang dicagarkan perlu sekurang-kurangnya sama nilai dengan nilai pinjaman (Penilaian tanah akan dibuat oleh Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta)
- iii. Tanah orang lain yang dibenarkan untuk cagaran perlu milik saudara terdekat.
- iv. Bagi tanah milikan secara pajakan, perlu mematuhi syarat berikut
 - (a) Baki tempoh pajakan tanah yang dicagar sekurang-kurangnya 40 tahun
 - (b) Mendapat kebenaran mencagar tanah daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau sepertimana yang dinyatakan dalam Hakmilik

D. SYARAT RUMAH

- i. Rumah yang dibina adalah rumah kos rendah satu tingkat dengan sekurang-kurangnya 3 bilik tidur dan 2 bilik air berkeluasan 700 ke 100kaki persegi.
- ii. Boleh menggunakan pelan sendiri tetapi perlu mematuhi syarat (i)
- iii. Perlu mengambil perlindungan insuran yang disediakan oleh pihak Jabatan Perumahan Negara ke atas rumah yang dibina.
- iv. Mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan jika diperlukan

BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan SPP boleh didapati secara percuma di :-

- i. Kaunter Setempat
Aras 1, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
- ii. Atau muat turun dari Laman Web KPKT

SALURAN BAYARAN BALIK

Terdapat beberapa saluran bayaran balik untuk kemudahan peminjam pada masa ini. Pada masa ini, saluran bayaran balik adalah seperti berikut;

- i. Kaunter Pejabat Pos
- ii. Bayaran secara atas talian/ perbankan internet;

a) www.posonline.com.my

b) www.cimbclicks.com.my

c) www.rhbbank.com.my